JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

## STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 21/2020

**RUJUKAN : 12 APRIL 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Krisis kesihatan global yang tercetus berikutan penularan jangkitan COVID-19 telah mengugat aspek sosial dan ekonomi kebanyakan negara di dunia. Sehingga kini, wabak ini telah mengorbankan lebih 100,000 nyawa dan jangkitan positif wabak ini semakin menghampiri angka 2 juta kes. Kerajaan di seluruh negara telah mempertimbangkan langkah terbaik bagi menangani kesan penularan yang kian meruncing. Menurut Oxford Covid-19 Government Response Tracker, **Malaysia berada di kedudukan ke-4 di rantau Asean** selepas Laos, Vietnam dan Filipina dalam aspek langkah kawalan yang ketat bagi membendung dan meleraikan rantaian wabak ini. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang hampir memasuki fasa yang ketiga serta Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan menjadikan pendekatan kawalan di Malaysia lebih tegas berbanding beberapa negara lain seperti Thailand, Indonesia, Singapura dan Brunei. **Pengukuran Strigency Index adalah menerusi 7 indikator utama** melibatkan antaranya **pelaksanaan penutupan sekolah dan pajabat, larangan membuat perjalanan, pembatalan acara awam dan pemberhentian operasi pengangkutan awam**. Di peringkat global, Malaysia menduduki tempat ke-51 mengikut kiraan mata indeks, lebih baik dari Amerika Syarikat, Britain dan Australia. Walaubagaimanapun, kajian ini menyatakan perolehan mata indeks yang tinggi tidak semestinya mencerminkan kesan keberhasilan pencegahan yang lebih baik.

Rangkuman statistik penting berkenaan jangkitan COVID-19 ini bermula setelah gelombang kedua diumumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 27 Februari 2020. Masyarakat telah menyaksikan catatan kes baharu harian pada minggu kedua Mac **terus melonjak** kepada **190 kes pada 15 Mac 2020**. Susulan daripada itu, Malaysia konsisten merekodkan pertambahan melebihi 100 kes sementara **pada 23 dan 26 Mac 2020** catatan harian **telah melepasi 200 kes**. Peningkatan drastik ini telah membawa kepada jumlah kumulatif jangkitan yang tinggi berdasarkan laporan pada 31 Mac 2020 iaitu sebanyak 2,766 kes disahkan positif dengan 43 kes kematian. Melangkaui bulan berikutnya, **pada awal April pertambahan kes baharu harian kembali mencecah 200 kes** dengan rekod catatan kedua tertinggi sehingga kini iaitu **217 kes pada 3 April 2020** melebihi 9 kes pada hari sebelumnya. Namun begitu disebalik pertambahan berterusan kes positif dalam negara, peningkatan **bilangan kes pulih atau discaj semakin memberangsangkan**. Sehingga 12 April 2020, terdapat 4 rekod catatan harian kes pulih melepasi bilangan kes baharu termasuk 2 daripadanya merekodkan angka melebihi 200 kes sehari. Usaha yang komited dan efisien oleh KKM jelas dipamerkan menerusi ketersediaan kapasiti makmal yang dipertingkatkan bagi menjalankan ujian pengesanan dan

pengesahan wabak. Kemudahan ini telah diperluaskan kepada 43 buah makmal dengan kapasiti maksima bagi melaksanakan ujian pengesanan harian melebihi 11,000 bilangan ujian berbanding purata sekitar 6,000 pada minggu ke-4 Mac. Pengesanan awal jangkitan membolehkan individu mendapat rawatan seterusnya menyumbang kepada kadar kes sembuh yang tinggi. **Kadar kes sembuh semasa menyumbang sebanyak 45 peratus** dari jumlah keseluruhan kes jangkitan dan merekodkan **jumlah kumulatif 2,108 kes**. Pada masa yang sama impak daripada peningkatan kes sembuh, trajektori kes aktif (perbezaan jumlah kumulatif kes positif dan kes discaj serta kematian) dilihat bertambah secara mendatar dan menunjukkan trend jurang yang semakin berbeza berbanding jumlah jangkitan positif COVID-19.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan terdapat **153 kes positif baharu** menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan **sebanyak 4,683 kes. Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes jangkitan positif **sebanyak 2,091 kes**, Zon Selatan (1,020 kes), Wilayah Malaysia Timur (623 kes), **manakala Zon Pantai Timur mengatasi Zon Utara** dengan masing-masing mencatatkan 479 dan 470 kes. Melihat kepada perspektif pertambahan kes baharu di peringkat negeri, peningkatan kes antaranya adalah menerusi catatan di Selangor dengan merekodkan 53 kes disusuli WP Kuala Lumpur sebanyak 44 kes, Johor (14 kes) dan Pahang (11 kes). Sementara itu, sejumlah **76 kes kematian** direkodkan sehingga kini menerusi **pertambahan 3 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

**Jumlah jangkitan COVID-19 di seluruh dunia** meningkat kepada **1,776,310 kes** dengan **jumlah kematian** sebanyak **108,807 kes. Amerika Syarikat** mendominasi **bilangan kes positif dengan menyumbang 29.8 peratus atau 529,740 kes** disusuli Sepanyol dengan catatan 163,027 kes, Itali (152,271 kes), Perancis (130,730 kes) dan Jerman dengan 125,452 kes. Sementara itu, Amerika Syarikat turut **merekodkan jumlah kematian tertinggi iaitu 20,602 kes,** mengatasi Itali yang mencatatkan sebanyak 19,468 kes, Sepanyol (16,606 kes) dan Perancis dengan 13,851 kes. Secara umumnya, **empat negara tersebut telah menyumbang sebanyak 64.8 peratus** daripada jumlah kumulatif kematian. Statistik bagi kadar kematian pula menunjukkan **Itali masih mencatatkan kadar yang tertinggi** dengan 12.8 peratus diikuti United Kingdom (12.4 peratus), Belgium (11.9 peratus), Belanda (10.8 peratus), Perancis (10.6 peratus) dan Sepanyol (10.2 peratus). Di peringkat global kadar kematian dicatatkan pada 6.13 peratus manakala kes sembuh meningkat kepada 403,016 (22.69 peratus) seperti pada jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan perkembangan semasa penularan pandemik COVID-19 sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Ini secara langsung akan memberikan reaksi kepada prospek pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2020. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**FINLAND**: Bank Pusat Finland meramalkan ekonomi Finland menghadapi kemelesatan paling teruk tidak pernah dilihat dalam jangkamasa lebih dari satu abad, akibat penularan wabak COVID-19. Agensi berkenaan menjangkakan KDNK Finland akan menyusut antara 5 peratus hingga 13 peratus tahun ini. Semenjak pertengahan Mac 2020 yang lepas, kebanyakan sektor ekonomi yang berorientasikan eksport terhenti, pintu-pintu sempadan ditutup, sekolah dan universiti dihentikan sementara dan restoran tidak dapat beroperasi menyebabkan 13,000 hilang pekerjaan dan 375,000 rakyat dalam proses pemberhentian sementara tanpa bayaran gaji. Agensi berkenaan menyatakan, dalam senario yang optimistik, dijangkakan kelonggaran ke atas langkah kerajaan akan diberikan pada 15 Mei dan ini membantu pemulihan ekonomi dengan pantas dan kadar pertumbuhan KDNK 2021 dijangka mencatatkan pertumbuhan 6.9%. Manakala dalam senario yang pesismistik, langkah pembendungan ini akan berlanjutan sehingga September yang menyebabkan defisit kewangan awam meningkat sebanyak 10.3 peratus. Sebagai rekod, ekonomi Finland menyusut 8 peratus pada kemelesetan kewangan global 2008.2009 dan pernah mencatatkan kejatuhan -16.1 peratus pada 1917. (Bloomberg)

**EU**: Bank Pusat Eropah (ECB) menyatakan eropah dijangka menghadapi kemelesetan yang paling teruk berbanding negara-negara lain di dunia dan masih tiada tanda-tanda yang menunjukkan pemulihan akan berlaku sehingga tahun hadapan. Prospek ekonomi bagi 19 buah negara eropah semakin terjejas dengan pelanjutan perintah berkurung/ kawalan pergerakan akibat penularan wabak COVID-19 berkenaan. Ekonomi Perancis menguncup 6 peratus pada suku pertama 2020 dan KDNK Jerman dijangka merosot 10 peratus dalam tempoh semasa. Pada masa ini, ECB menyuntik kewangan yang besar bagi merangsang ekonomi, membiayai bank-bank di eropah bagi memastikan kredit dapat disalurkan kepada syarikat dan isirumah. Selain itu, pembuat polisi juga komited untuk membeli semula hutang sehingga AS$1.1 trilion. Kerajaan-kerajaan di negara eropah turut mengambil Langkah dengan menyediakan pakej bernilai ratusan bilion euro bagi membantu ekonomi penduduk. (Bloomberg).

**QATAR**: Kerajaan Qatar akan membayar sementara sebahagian gaji sektor swasta yang terkesan akibat langkah yang di ambil bagi mengekang penularan COVID-19. Syarikat milikan swasta yang diperbadankan di Qatar boleh memohon bantuan pembayaran 3 bulan gaji pekerja di mana pembayaran akan dilakukan secara langsung melalui akaun bank Qatar di bawah program yang ditadbir oleh Qatar Development Bank. Pembayaran ini meliputi pekerja warga tempatan dan pekerja asing yang meliputi 95 peratus tenaga kerja di Qatar. Program ini bernilai 3 bilion riyal (AS$ 820 juta) dan merupakan sebahagian dari 75 bilion riyal pakej rangsangan yang diperkenalkan. (Bloomberg)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) **Lapan (8) negara di rantau Asia Selatan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan ekonomi dalam lingkungan 1.8% hingga 2.8%** iaitu kejatuhan yang paling teruk dalam 40 tahun disebabkan oleh wabak COVID-19.

2) Strategi termasuk membabitkan 'kadar dasar semalam', cukai pendapatan dan pembangunan projek awam mampu **mengurangkan impak negatif COVID-19 terhadap ekonomi** dan mampu memulihkan keadaan ekonomi dalam masa yang singkat.

3) **Arab Saudi bersetuju akan mengurangkan pengeluaran minyak mentah kira-kira 8.5 juta tong sehari.** Pengeluar minyak Saudi Aramco akan membuat keputusan dan mengumumkan harga untuk eksport minyak mentah bagi bulan Mei pada hari Isnin ini.

4) AirAsia memohon supaya pelanggannya **menerima kredit sebagai gantian berbanding bayaran balik** bagi penerbangan yang terpaksa dibatalkan. Merujuk kepada 96 peratus penerbangannya tidak beroperasi, AirAsia memaklumkan bahawa mereka masih mempunyai komitmen kewangan dan berusaha sebolehnya untuk mengurangkan kos.

5) Persatuan Pembina Sabah memohon kerajaan **mempertimbangkan untuk membolehkan semua aktiviti pembinaan terbuka** seperti infrastruktur dan kerja-kerja bangunan di kawasan pengudaraan secara semula jadi untuk beroperasi dengan 100% tenaga kerja.

6) Industri minuman beralkohol menganggarkan negara akan **kehilangan hasil cukai sebanyak RM189 juta sebulan** jika penutupan operasi pembuatan bir masih diteruskan.

7) **Pengusaha pusat semaian bunga ros di Cameron Highlands terpaksa membuang 15,000 pasu bunga** ros sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac lepas

8) **Skim Kawalan Harga Maksimum** sebagai langkah **membendung kenaikan harga barangan keperluan** sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga bermula 15 hingga 28 April ini.

9) **Sektor yang dimasukkan ke dalam senarai tambahan perniagaan** yang dibenarkan untuk beroperasi semasa tempoh PKP, perlu **mendapatkan kelulusan terlebih dahulu** daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebelum beroperasi semula.

10) Pengasas **syarikat penerbangan AirAsia Group Bhd** telah membuat keputusan untuk tidak menerima gaji manakala kakitangannya telah bersetuju untuk menerima pemotongan gaji sementara di antara **15 peratus hingga 75 peratus** bergantung kepada kekananan.

11) **Lebih seribu kedai gunting rambut** di Kuala Lumpur dan Selangor membuat keputusan untuk **tidak beroperasi sehingga 30 April ini** meskipun telah dibenarkan berbuat demikian. Keputusan ini akan menjejaskan pendapatan mereka tetapi ia mampu menyelamatkan nyawa.

12) Pemandu **teksi *e-hailing* PICKnGO** yang meliputi kira-kira 10,000 orang boleh menambah pendapatan mereka yang terjejas sepanjang tempoh PKP dengan berkhidmat sebagai **penghantar makanan dan barangan runcit** serta keperluan isi rumah.

13) **Penanam buah-buahan** diminta untuk **meneruskan aktiviti pertanian** sepanjang tempoh PKP bagi **mengelakkan bekalan buah-buahan** berkurangan dalam tempoh tiga bulan hingga setahun akan datang.

14) Tiada keperluan untuk melanjutkan tempoh lesen **Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT)** bagi nelayan bot zon A memandangkan **bekalan ikan masih lagi mencukupi** sepanjang tempoh PKP yang dilanjutkan kerajaan.

15) **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)** berkemungkinan perlu **memberhentikan pekerja yang tidak penting** dan **membuat pemotongan gaji sehingga 30 peratus** untuk memastikan mampu bertahan akibat kejatuhan ekonomi disebabkan pandemik Covid-19. Kerugian perlu diminimumkan dan perlunya untuk mengekalkan wang tunai sebanyak mungkin.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market** | **Cover Story: Lessons from the last three major economic crises**<br><br>Since independence, Malaysia has had three periods of major economic shocks. It is worth noting that the causes of each crisis were very different in nature, given that the country was at different developmental stages over the last four decades.<br><br>**Commodities shock in 1985/86**<br><br>The 1985/86 economic crisis was triggered by the high interest rates in the US, which is better known as the "Volcker Shock". Paul Volcker was the newly appointed US Federal Reserve chairman and, in 1980, to rein in rising prices, he instituted record-high interest rates, which led to a collapse in world commodity trade.<br><br>Malaysia fell into a recession in 1985, with its gross domestic product (GDP) contracting 1% that year. The unemployment rate rose to 5.6% in 1985 and 7.4% in 1986. The non-performing loan (NPL) ratios of commercial banks hit a high of 30% in 1987 and 1988.<br><br>**Asian financial crisis 1997/98**<br><br>The Asian financial crisis in 1997/98 is deemed as one of the worst economic crises Malaysia | https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-lessons-last-three-major-economic-crises |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | has ever faced (until now, that is). Its main cause, according to academics, was the wholesale adoption of financial deregulation in both capital accounts and the banking sector.<br><br>The economy declined, with the GDP contracting 6.7% in 1998 from a growth of 7.7% previously. The ringgit fell to its lowest of 4.90 against the greenback in January 1998.<br><br>**Global financial crisis 2008/09**<br><br>The global financial crisis of 2008/09 that started in the US was caused by excessive lending by banks, especially housing loans. Banks were repackaging these debts and selling them to investors. When the property bubble burst, it sent borrowers into default and sparked a domino effect that crippled the US banking system, which eventually pushed some into liquidation.<br><br>For Malaysia, the country suffered the impact in terms of financial and trade channels. Malaysia, a trade-dependent country, was severely hit in its trade and investments. The economy fell into a recession, contracting 1.7% in 2009. | |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia melalui tiga tempoh kejutan ekonomi utama. Artikel berpendapat bahawa punca-punca setiap krisis adalah sangat berbeza, memandangkan negara berada di peringkat pembangunan yang berbeza selama empat dekad yang lalu. Pada tahun 1985, ekonomi Malaysia menguncup akibat kejatuhan harga komoditi seperti petroleum, kelapa sawit dan timah serta rentetan daripada

| | |
|---|---|
| | kelembapan ekonomi dunia. Manakala bagi krisis kewangan Asia pada tahun 1997/98, dari sudut akademik disebabkan oleh "the wholesale adoption of financial deregulation in both capital accounts and the banking sector" . Krisis kewangan global 2008/09 pula adalah berpunca di AS disebabkan oleh pinjaman berlebihan oleh bank, terutamanya pinjaman perumahan. Bank telah mengemaskini hutang-hutang tersebut dan menjualnya kepada pelabur. |
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 memberi kesan kepada kestabilan ekonomi dunia. Situasi ini dihadapi oleh ekonomi utama di dunia dan sebanyak 184 negara di dunia telah pun dilanda wabak COVID-19. Kerajaan Malaysia menangani isu COVID-19 dengan melaksanakan PKP mulai 18 Mac 2020 dan melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan juga tambahan khas pakej bantuan oleh beberapa Kerajaan Negeri. Bank Negara Malaysia (BNM) dalam kenyataannya mengunjurkan pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun 2020 pada kadar antara -0.2 peratus hingga 0.5 peratus. | |

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian** | **7 strategi bantu kerajaan kurangkan impak negatif COVID-19**<br><br>Penurunan 'kadar dasar semalam' oleh Bank Negara dan cukai pendapatan selain membangunkan projek pembangunan infrastruktur awam diyakini mampu mengurangkan impak negatif COVID-19 terhadap ekonomi, sekali gus mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara.<br><br>Selain itu, inisiatif penubuhan dana bantuan tidak bekerja, memperkukuh portal pencarian pekerjaan negara, memperkasa ekonomi digital seperti perniagaan atas talian dan membentuk kerjasama strategik | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/676350/7-strategi-bantu-kerajaan-kurangkan-impak-negatif-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | rantaian pembekalan serantau dan dunia juga boleh membantu rakyat. | |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 2. | **Malay Mail** | **Tony Fernandes says AirAsia keeping staff but all on pay cut, asks customers to accept credit over flight refunds**<br><br>CEO of AirAsia Group, urged the low-cost carrier's customers to accept credit for replacement flights instead of pressing for refunds. With no revenue coming in, 96 per cent of fleet is grounded and they still have significant ongoing financial commitments such as fuel suppliers and leasing agents. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/12/tony-fernandes-says-airasia-keeping-staff-but-all-on-pay-cut-asks-customers/1855843 |
| | **C. Subsektor Perkhidmatan Lain** | | |
| 3. | **Malay Mail** | **Minister: Haircutting services won't resume automatically, and only for Covid-19 green zones**<br><br>Haircutting services will not automatically be allowed to operate during the government's movement control order (MCO) as the expanded list of businesses must apply to the government first before resuming operations.<br><br>The new sectors allowed to operate are limited to only at green zones in the country. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/12/minister-haircutting-services-wont-resume-automatically-and-only-for-covid/1855917 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Strategi termasuk membabitkan 'kadar dasar semalam', cukai pendapatan dan pembangunan projek awam mampu mengurangkan impak negatif COVID-19 terhadap ekonomi dan mampu memulihkan keadaan ekonomi dalam masa yang singkat.<br>2. Airasia memohon supaya pelanggannya menerima kredit sebagai gantian berbanding bayaran balik bagi penerbangan yang terpaksa dibatalkan. Dengan 96 peratus penerbangannya tidak beroperasi, Airasia memaklumkan bahawa mereka masih mempunyai komitmen kewangan dan berusaha sebolehnya untuk mengurangkan kos.<br>3. Perkhidmatan kedai gunting rambut perlu mendapatkan kelulusan daripada MITI dan tidak boleh menjalankan operasi secara automatik walaupun termasuk dalam senarai tambahan yang dibenarkan beroperasi semasa PKP Fasa 3. | | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Usaha yang dilakukan oleh syarikat penerbangan dengan melaksanakan pemberian kredit yang boleh digunakan untuk tempahan lain akan memberikan kestabilan kewangan syarikat dalam jangka masa pendek kerana dapat mengelakkan hasil jualan yang telah diterima dipulangkan kepada pelanggan serta merta. | | | |
| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Astro Awani** | **Ribuan pokok bunga ros dibuang kerana tiada pembeli**<br><br>Pengusaha pusat semaian bunga ros di Cameron Highlands terpaksa membuang 15,000 pasu bunga ros sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac lepas.<br><br>Pusat semaian bunga ros di Cameron Highlands yang berusia kira-kira 30 tahun itu lazimnya dapat menjual 6,000 hingga 7,000 pasu bunga ros setiap minggu di seluruh negara, selain dieksport ke negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Brunei Darussalam. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ribuan-pokok-bunga-ros-dibuang-kerana-tiada-pembeli-237977 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Edge Markets** | **Saudis delay crude pricing decision as output-cut talks drag on**<br><br>Saudi Arabia is delaying a key pricing decision for its crude exports yet again as the kingdom's talks to secure agreement among global producers for a massive coordinated supply cut stretch into a fourth day.<br><br>State producer Saudi Aramco is now set to decide on and announce pricing for May crude exports on Monday. | https://www.theedgemarkets.com/article/saudis-delay-crude-pricing-decision-outputcut-talks-drag |

Penemuan penting & isu:

1. Pengusaha pusat semaian bunga ros di Cameron Highlands terpaksa membuang 15,000 pasu bunga ros sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac lepas. Pusat semaian bunga ros di Cameron Highlands menjual 6,000 hingga 7,000 pasu bunga ros setiap minggu di seluruh negara, selain dieksport ke negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Brunei Darussalam.
2. Arab Saudi bersetuju akan mengurangkan pengeluaran minyak mentah kira-kira 8.5 juta tong sehari. Pengeluar minyak Saudi Aramco akan membuat keputusan dan mengumumkan harga untuk eksport minyak mentah bagi bulan Mei pada hari Isnin ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import bunga potong (HS 0603) pada tahun 2019 ialah RM33.0 juta. Sumber utama import ialah dari China (RM16.4 juta, 49.7%), India (RM10.6 juta, 32.0%) dan Indonesia (RM 3.1 juta, 9.5%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport bunga potong bernilai RM4.3 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import bunga potong meningkat RM1.1 juta atau 32.7% daripada RM3.2 juta. Manakala, nilai eksport bunga potong pada tahun 2019 ialah RM468.4 juta. Malaysia mengeksport bunga potong ke Jepun (RM287.4 juta, 61.4%), Thailand (RM62.8 juta, 13.4%) dan Australia (RM48.7 juta, 10.4%). Pada bulan Februari 2020, eksport bunga potong bernilai RM31.3 juta. Berasaskan tahun ke tahun, eksport bunga potong jatuh sebanyak RM3.6 juta atau 10.2% daripada RM34.9 juta.
2. Nilai import minyak mentah (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab

Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak mentah bernilai RM2.2 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak mentah meningkat RM165.6 juta atau 8.0% daripada RM2.1 bilion. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengeksport minyak mentah bernilai RM1.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM343.3 juta atau 16.1% daripada RM2.1 bilion.

3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Sabah builders want govt to consider measure to allow construction to resume**<br><br>Sabah builders are urging the government to consider measures to allow building activities to resume in a bid to alleviate losses faced by the construction industry which has come to a halt since the movement control order was put in place on March 18. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/12/sabah-builders-want-govt-to-consider-measure-to-allow-construction-to-resume |
| 2. | **The Edge Market** | **Tax revenue loss of RM189m a month seen if brewery shutdown continues**<br><br>The nation stands to lose some RM189 million in tax revenue a month if the operations of breweries continue to be suspended. | https://www.theedgemarkets.com/article/tax-revenue-loss-rm189m-month-seen-if-brewery-shutdown-continues |

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan Pembina Sabah memohon kerajaan mempertimbangkan untuk membolehkan semua aktiviti pembinaan terbuka seperti infrastruktur dan kerja-kerja bangunan di kawasan pengudaraan secara semula jadi untuk beroperasi dengan 100% tenaga kerja. Selain itu, majori projek di Sabah dilaksanakan oleh kontraktor G3 hingga G7.

2. Negara akan kehilangan RM189 juta cukai pendapatan dalam bulan beikutnya sekiranya operasi pembuatan arak diberhentikan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Memantau aktiviti projek-projek pembinaan yang diluluskan oleh Kerajaan untuk beroperasi sepanjang Covid-19 melalui survei jangka pendek.
2. Membuat semakan sumbangan kontraktor utama yang diliputi dalam survei pembinaan suku tahunan dan senarai yang didaftarkan di CIDB.
3. Bahagian mengambil maklum 2 pengeluar minuman alkohol Malaysia yang pada awalnya menerima kebenaran untuk beroperasi dengan jumlah pekerja tidak melebihi 10 peratus on-site, tetapi kerajaan menarik balik kebenaran untuk beroperasi semasa PKP.

**E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)**

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **The Star** | **World Bank sees worst economic slump in South Asia in 40 years**<br><br>India and other South Asian countries are likely to record their worst growth performance in four decades this year due to the coronavirus outbreak. The South Asian region, comprising eight countries, is likely to show economic growth of 1.8% to 2.8% this year. Other than India, the World Bank forecast that Sri Lanka, Nepal, Bhutan and Bangladesh will also see sharp falls in economic growth. Three other countries - Pakistan, Afghanistan and the Maldives - are expected to fall into recession. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/12/world-bank-sees-worst-economic-slump-in-south-asia-in-40-years |

Penemuan penting & isu:

1. Lapan (8) negara di rantau Asia Selatan dijangka akan mencatat sebanyak 1.8% hingga 2.8% dalam pertumbuhan ekonomi - kejatuhan yang paling teruk dalam 40 tahun, disebabkan oleh wabak COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penurunan prestasi ekonomi di negara Asia Selatan terutamanya India bakal menjejaskan statistik Akaun Barangan di mana India merupakan rakan dagangan penting kepada Malaysia dan menyumbang kepada

| | | | |
|---|---|---|---|
| | eksport dan import negara kita. Pada tahun 2019, eksport dan import barangan ke/dari India masing-masing berjumlah RM37.5 bilion dan RM24.3 bilion. Sementara, Akaun Barangan telah merekodkan lebihan sebanyak RM125.5 bilion pada tahun lepas. | | |
| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Times** | **Contractors glad they can work**<br><br>Several sectors would be allowed to resume operations in stages under strict guidelines during the third phase of the MCO from April 15 to 28.<br><br>Contractors have cautiously welcomed the government's decision allowing several critical sectors, including construction and related services, to resume operations during the Movement Control Order (MCO).<br><br>Malaysian Bumiputera Contractors Association is grateful for the additional RM10 billion allocation for the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package to help small- and medium enterprises, since most Bumiputera contractors fall under this category.<br><br>The allocation will allow several sectors, such as construction and construction-related services, including projects with G1 and G2 contractors as the main contractors, to resume operations. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/583572/contractors-glad-they-can-work |
| 2. | **The Sun Daily** | **3,511 Orang Asli household heads receive food basket aid**<br><br>A total of 3,511 household heads of the Orang Asli community in several states today received assistance in | https://www.thesundaily.my/local/3511-orang-asli-household-heads-receive-food-basket-aid-BY2247892 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | the form of food supply baskets from the Rural Development Ministry (KPLB) via the Orang Asli Development Department (Jakoa).<br><br>Each household head was provided with essential food worth RM100 and a cleanliness kit with items such as antiseptic, face masks and medicated soap as well as milk powder supplement for children.<br><br>KPLB announced the distribution of the aid at four locations in Pahang namely Kampung Orang Asli (KOA) Sg. Tementong, KOA Sg. Garam, KOA Sg. Mutan and KOA Sg. Sekin. Others are the Orang Asli villages in Johor Baru and Kota Tinggi districts in Johor, Gua Musang district in Kelantan, Jempol district in Negri Sembilan as well as Hulu Selangor, Hulu Langat and Kuala Langat districts in Selangor.<br><br>Phase one began on 18 March 2020 while phase two of the Food Basket Aid distribution is expected to be completed by April 20 involving 55,000 household heads in 853 villages nationwide. | |
| 3. | **Astro Awani** | **Geran penyelidikan khas RM20,000 untuk pensyarah pasca COVID-19**<br><br>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan menawarkan geran penyelidikan khas untuk dibida, terbuka kepada semua pensyarah universiti awam dan institut pengajian tinggi swasta. | https://beta.astroawani.com/berita-malaysia/geran-penyelidikan-khas-rm20000-untuk-pensyarah-pasca-covid19-237934 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Bertujuan bagi menjalankan penyelidikan terhadap bidang-bidang kritikal yang dikenal pasti berkait rapat dengan masyarakat, dalam menghadapi keadaan pasca COVID-19.<br><br>KPT menyediakan geran sekurang-kurangnya RM20,000 bagi setiap penyelidikan yang dijalankan, meliputi 20 bidang utama. Antara bidang kajian penyelidikan termasuk kesan terhadap ekonomi, kesihatan awam, keselamatan, pelancongan, perdagangan, teknologi maklumat, pendidikan dan keselamatan makanan. | |
| 4. | **Berita Harian** | **Pekebun getah tidak tuntut subsidi RM400 juta**<br><br>Pekebun getah diminta menuntut Insentif Pengeluaran Getah (IPG) berikutan kerajaan sudah memperuntuk sejumlah RM500 juta bagi tujuan pembayaran subsidi itu tahun ini.<br><br>Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, berkata hanya kira-kira 20 peratus bersamaan RM100 juta subsidi IPG sudah dituntut dan terdapat kira-kira RM400 juta peruntukan boleh dituntut pekebun getah yang berhadapan masalah harga getah yang tidak stabil.<br><br>Kerajaan sudah menetapkan harga lantai getah sekerap adalah RM2.50 dan apabila harga jatuh bawah dari itu.<br><br>IPG membantu penoreh yang terjejas dimana jika harga getah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/676209/pekebun-getah-tidak-tuntut-subsidi-rm400-juta |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | yang diambil peraih adalah RM1.70 maka penoreh boleh membuat tuntutan 80 sen di bawah subsidi IPG, tetapi masih ramai tidak berbuat demikian. | |

Penemuan penting & isu:

1. Beberapa sektor dibenarkan untuk beroperasi semula mengikut garis panduan yang ditetapkan sepanjang tempoh fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 15 hingga 28 April 2020. Sektor kritikal termasuk Pembinaan dan Perkhidmatan yang berkaitan dibenarkan untuk meneruskan operasi. Di samping itu, peruntukan tambahan RM10 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) disambut baik oleh Malaysian Bumiputera Contractors Association kerana kebanyakan kontraktor Bumiputera termasuk dalam kategori ini.

2. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menawarkan geran penyelidikan khas RM20,000 kepada pensyarah universiti awam dan institut pengajian tinggi swasta. Geran tersebut meliputi 20 bidang-bidang kritikal yang memberi impak kepada masyarakat, dalam menanggani COVID-19. Penyelidikan tersebut dapat menyediakan sumber rujukan untuk merangka polisi dan dasar kepada kerajaan dalam menghadapi senario wabak COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

